

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 MARCH 2015



PROSBOC

bersantai bersama Tun M

um - 17/11/2015

MEMPUNYAI peranan sebagai duta kepada jenama kenderaan yang dipakai, sebuah kelab kereta mampu memainkan peranan yang besar bagi menaikkan lagi sesebuah model dan jenama kenderaan yang mereka wakili.

Itulah yang menjadi tunjang kepada Kelab Pemilik Saga BLM Malaysia atau lebih dikenali sebagai Prosboc yang diiktiraf sebagai keluarga dan duta bagi kenderaan nasional iaitu Proton untuk model Saga BLM.

Bagi mengiktiraf peranan kelab kereta ini dan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kelab, satu acara makan malam yang dianjurkan oleh Prosboc dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah diadakan di Restoran IMalaysia, Langkawi, Kedah baru-baru ini.

Acara julung kali diadakan itu turut diserikan lagi dengan kehadiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Proton Holdings Berhad merangkap Penasihat LADA dan isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.

Selain itu, sokongan daripada pihak LADA turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif LADA, Tan Sri Khalid Ramli dan Ketua Pengarah Eksekutif Proton Edar Sdn. Bhd., Norzahid Mohd Zahudi.

Prosboc ditubuhkan seawal tahun 2008 yang bertujuan menyatukan pemilik-pemilik kereta Proton Saga BLM di dalam sebuah kelab bagi berkongsi pendapat dan sokongan daripada pelbagai aspek.

Pelbagai aktiviti dijalankan oleh kelab Prosboc termasuk bantuan kepada orang susah dan anak yatim dan sebagainya yang menjadi tunjang kepada semangat bantu membantu di antara ahli-ahli kelab.

Aktiviti sebegini bukan sahaja memberikan kesedaran buat ahli, bahkan juga menjadikan kelab kereta itu sebagai sebuah kelab yang mampu berbakti kepada masyarakat.

Kelab ini telah diiktiraf sebagai duta rasmi Proton bagi menjadikan kenderaan nasional sebagai kenderaan kebanggaan rakyat negara ini, di samping menyokong pengeluaran kereta tempatan.

Presiden Prosboc, Faizullah Abd Rahman berkata, pihaknya akan terus berusaha menarik ahli untuk sama-sama menyamakan masyarakat agar membeli barangan tempatan.

"Kerjasama yang dijalinan dengan Proton secara tidak langsung memberi semangat kepada pemilik-pemilik kenderaan ini mempromosikan kenderaan tersebut dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Dalam acara itu, Dr. Mahathir turut melahirkan perasaan bangga beliau terhadap kelab ini yang memberi kesinambungan kepada model pertama kereta tempatan, Proton Saga.

"Keadaan ini akan menggalakkan orang ramai membeli barangan tempatan dan terus menyokong pengeluaran kereta nasional terutamanya Proton untuk terus bersaing dalam industri permotoran," jelasnya.

Seramai 82 orang yang terdiri daripada 41 perwakilan dari seluruh kawasan di Malaysia, 18 ahli dan 23 pasangan serta ahli keluarga perwakilan hadir dalam majlis tersebut.

Keadaan ini akan menggalakkan orang ramai membeli barangan tempatan dan terus menyokong pengeluaran kereta nasional terutamanya Proton untuk terus bersaing dalam industri permotoran.



SEBAHAGIAN daripada peserta program bergambar kenangan bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad.